



Mekanisme kawal pemaju perumahan

Mekanisme baharu akan diguna pakai bagi mengawal pemaju daripada membina projek perumahan tidak bertepatan dengan kehendak pasaran sehingga tidak terjual.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata ia membabitkan pembangunan sistem data menyeluruh yang akan membantu Kementerian menentukan hala tuju tepat bagi pemaju projek perumahan.

Cadangan lain adalah mengenakan cukai pengosongan terhadap pemaju yang gagal menjual unit kediaman masing-masing.

Bagaimanapun, katanya, ketika ini cadangan cukai pengosongan itu masih belum diputuskan.

Zuraida berkata, cadangan itu dibuat berdasarkan maklumat diperolehi Kementerian bahawa unit hartanah tidak terjual berharga RM500,000 ke atas.

Banyak unit rumah berkenaan tidak terjual dalam tempoh lima hingga 10 tahun lalu.

"Kita akan tengok kaedah lain untuk kawal pemaju agar sebelum pembinaan, Kementerian akan meneliti sama ada projek yang dicadangkan adalah berdaya maju dan tepat dengan apa yang dikehendaki oleh rakyat," katanya.